



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	4/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			

## Gajah ceroboh kebun, penduduk rugi RM200,000



BH, 4 Okt 2021\_18

Penduduk melihat tanaman yang dirosakkan tiga gajah liar di Kampung Sungai Bayu Baru, Gua Musang. (Foto Ramli Ibrahim/BH)

**Gua Musang:** Seramai 16 penduduk kerugian hampir RM200,000 apabila pelbagai jenis tanaman seluas 120 hektar di Kampung Sungai Bayu Baru, di sini, dimusnahkan sekumpulan tiga gajah liar.

Dalam kejadian antara jam 1 hingga 5 pagi kelmarin, haiwan itu bertindak agresif dengan menceroboh beberapa kebun tanaman kelapa sawit, kelapa dan pisang milik penduduk.

Penduduk, Che Adam Che Kob, 64, berkata masalah yang berlaku sejak dua bulan lalu itu tidak boleh lagi dibiarkan kerana semakin banyak tanaman diusahakan penduduk dimusnahkan.

"Malah, serangan gajah itu

yang berlaku secara berpindah-pindah di sekitar kampung ini menyebabkan penduduk ketakutan untuk mengambil buah sawit di kebun masing-masing.

"Ada juga penduduk tersempak dengan sekumpulan gajah itu jam 7 pagi di kebun pisang dan terpaksa lari pulang semula ke rumah," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi penduduk, Mohd Khairi Mohamad, 34, mendakwa perkara itu sudah beberapa kali dilaporkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di daerah ini.

"Namun, kakitangan jabatan itu datang untuk memantau sahaja tanpa mengambil sebarang

tindakan, termasuk menghalau atau menangkap haiwan berkenaan.

"Kehadiran gajah ini dibimbangi boleh mengancam nyawa penduduk, terutama kanak-kanak yang masih kecil kerana haiwan ini dilihat kerap mengelilingi rumah.

"Kami sudah melakukan pelbagai cara bagi menghalau gajah itu, termasuk membakar tayar, tetapi ia tidak berkesan dan semakin kerap berada sekitar rumah.

"Setiap hari apabila tiba waktu jam 8 malam, penduduk masing-masing berkurung di dalam rumah kerana tidak berani lagi keluar sebagai langkah keselamatan," katanya.